



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TERIMA 5,203 WARAN PERJAWATAN UNTUK FASA KEDUA

Melaka, 10 September 2020 – Kerajaan Persekutuan menyerahkan sebanyak 5,203 perjawatan baharu untuk pengagihan fasa kedua kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pengagihan fasa kedua waran perjawatan tersebut digunakan untuk fasiliti kesihatan yang telah siap sehingga Jun 2020 melibatkan 54 buah fasiliti kesihatan (hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian) sedia ada dan baharu seluruh negara.

Agihan tersebut melibatkan perjawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan lain-lain jawatan di fasiliti baharu KKM melalui kaedah penajaran jawatan kosong dari semua kementerian.

Terdahulu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sejumlah 10,675 perjawatan baharu berdasarkan keperluan fasiliti kesihatan KKM yang telah siap dan bakal beroperasi mulai 2019 hingga 2020.

Pada 2 Disember 2019 (Pengagihan Fasa Pertama), sebanyak 385 waran perjawatan bagi pengoperasian Hospital Rembau, Negeri Sembilan telah diserahkan kepada YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha KKM.

Baki sebanyak 5,087 jawatan pula akan diserahkan kepada KKM pada fasa seterusnya apabila fasiliti kesihatan siap dan bersedia beroperasi sepenuhnya. Kelulusan permohonan KKM ini mengambil kira usaha untuk menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Bagi sektor kritikal seperti sektor kesihatan, pertimbangan bagi meluluskan permohonan pewujudan jawatan baharu untuk menampung keperluan di fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara akan terus diberi perhatian agar rakyat dapat menerima perkhidmatan kesihatan yang terbaik dengan kaedah pengoptimuman penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam.

#####

YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
10 September 2020

Maklumat Perhubungan

Tel : 03-8885 3096 / 3146 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (93)